



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/04/24 (HQ)

### MENINGKATKAN KESTABILAN SISTEM GRID NASIONAL

Jimah East Power, projek infra rakyat yang dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di mukim Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan kini mencapai status 75 peratus siap ekoran keupayaan dan kepakaran TNB membangunkan projek-projek penjanaan elektrik negara.

Projek bernilai RM12 bilion itu dijangka siap mengikut jadual dan mencapai Tarikh Operasi Komersil (Commercial Operation Date) seawal pertengahan 2019 (unit pertama janakuasa). Ia bakal meningkatkan kapasiti penjanaan TNB untuk negara daripada 51.8 peratus kepada 53.2 peratus.

Ia menggunakan teknologi *Ultra Supercritical*, teknologi pembakaran arang batu yang efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding sistem teknologi arang batu berhablur (pulverised coal firing) dengan 36 peratus kecekapan.

Projek dua unit janakuasa dengan kapasiti 2,000MW (Megawatt) ini dapat mewujudkan peluang peniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat.

Apabila siap sepenuhnya pada Disember 2019 (unit kedua dan terakhir janakuasa), ia akan meningkatkan jumlah keseluruhan penjanaan elektrik negara kepada 26,897MW berbanding 24,138MW pada Disember 2017.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 April 2018, jam 2.45 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*